



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 9812 Faks : 03-2694 1373
e-mail : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / UKK / 04/ 1-4

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
Sinar Harian

Kesal dengan kenyataan daripada Pegawai Pengurusan Tertinggi DBKL

Kami merujuk kepada aduan oleh *Penduduk Fasa 3, Bandar Baru Sentul* di dalam ruangan *Surat kepada Pengarang* bertarikh 10 Julai 2009 dan ingin membetulkan beberapa pernyataan yang mengelirukan seperti berikut:

- i. Walaupun Datuk Bandar tidak dapat memenuhi kesemua jemputan daripada penduduk, segala *input* yang diutarakan oleh penduduk akan dibawa kepada perhatian Datuk Bandar seterusnya dibincangkan bagi mendapatkan jalan penyelesaian;
- ii. Terdapat lebih kurang 10 buah gerai tidak berlesen di sekitar Bandar Baru Sentul Fasa 3. Peniaga-peniaga haram berkenaan akan diminta mengosongkan tapak apabila Kompleks Komuniti Sentul mula beroperasi pada Oktober 2009;
- iii. Perumahan Bandar Baru Sentul Fasa 3 merupakan rumah jual di mana kerja-kerja penyelenggaraan seperti paip bocor dan *manhole* tersumbat adalah di bawah tanggungjawab Perbadanan Pengurusan. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Agung Perbadanan Pengurusan yang telah diadakan gagal membentuk bilangan ahli majlis yang mencukupi. Sehubungan dengan itu, pihak Pesuruhjaya Bangunan telah meminta DBKL untuk mengurus dan menyelenggara perumahan tersebut sehingga ejen pengurusan dilantik. DBKL hanya dapat menjalankan kerja-kerja pembaikan sekiranya wang di dalam akaun pengurusan perumahan tersebut mencukupi.

Sekian.

ANWAR BIN MOHD ZAIN

Pengurus Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
16 Julai 2009
23 Rejab 1430H